

# Komitmen MPK, JPS

## Usaha atasi masalah banjir di Klang

**KLANG** - Setiap kali hujan lebat melanda daerah Klang, pasti akan ada kawasan yang dinaiki air dan kejadian seumpama itu bukan pertama kali berlaku malah berulang secara berterusan.

Beberapa bulan lalu hujan lebat menyebabkan paras air sungai dan laut naik hingga limpahan air terjadi. Ekoran situasi itu, banyak kawasan di daerah ini dinaiki air dan disifatkan kejadian paling serius sejak belasan tahun lalu.

Banjir paling serius melanda adalah di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Selat Klang, Dun Sementa, Dun Kota Alam Shah, Dun Pandamaran dan Dun Sri Andalas hingga kebanyakan penduduk mengeluh apabila air memasuki kediaman hingga merosakkan barangan berharga termasuk perabot dan keperluan lain.

Bagaimanapun kejadian itu tidak terhenti di situ apabila beberapa minggu lalu sekali lagi air melimpah ke beberapa kawasan termasuk di Dun Kota Alam Shah dan Dun Batu Belah

di Kampung Batu 3, Jalan Kapar termasuk beberapa sekolah.

Walaupun kejadian kali kedua ini tidak sehebat yang pertama namun ia cukup menakutkan seluruh penduduk di daerah ini kerana khuatir mimpi ngeri yang dahulu berulang kembali.



MOHD IKHSAN

### Dakwa sistem saliran punca

WUJUD pihak tertentu yang mendakwa kejadian banjir berlaku di syaki mempunyai kaitan dengan sistem saliran di daerah ini yang tidak diselenggara malah tidak kurang juga yang mendakwa beberapa kunci air milik Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) bermasalah.



Penduduk di Jalan Yamin, Dun Selat Klang terpaksa menanggung kerosakan barangan elektrik dan barangan perabot berikutan kediaman mereka ditenggelami air paras lutut.

Malah ada mengesyaki bencana ini turut dikaitkan kenaikan paras air laut dan sungai yang terlalu drastik hingga berlaku takungan air dalam saliran di daratan. Tidak terhenti di situ sahaja apabila khabar angin mengatakan air tidak dapat ke saluran yang sepatutnya berikutan pembinaan jambatan yang menghubungkan Kampung Delek dengan Sri Perantau.

Bagaimanapun sikap tuding jari tidak mampu menyelesaikan sebarang masalah. Justeru itu, semua pihak termasuk agensi kerajaan negeri dan persekutuan harus berganding bahu dalam menyelesaikan isu ini demi kepentingan rakyat di daerah Klang.

### Peruntukan RM5.2 juta

BAGI mengatasi masalah banjir di daerah ini, Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan menggunakan peruntukan yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri bernilai RM5.2 juta untuk melaksanakan

sembilan projek bagi menaiktaraf sistem saliran dan sebagainya di seluruh kawasan yang dilanda banjir di daerah ini.

Pemangku Yang Dipertuanya, Mohd Ikhsan Mukri berkata, kesemua projek tersebut dijangka bermula akhir

September ini.

"Kita menjangkakan projek berkenaan siap dalam tempoh kira-kira tiga bulan bagaimanapun ia bergantung kepada keadaan dan juga gerak kerja yang dijalankan.

"Menerusi projek itu ia dianggarkan dapat bertahan dalam tempoh kira-kira 20 hingga 30 tahun lagi da-



Operasi perniagaan di Taman Bayu Perdana, Dun Kota Alam Shah tergendala apabila air memasuki premis.



Paras air yang naik cepat menyebabkan pengguna tidak dapat menyelamatkan kenderaan masing-masing.

lam usaha mengatasi masalah banjir," katanya.

Sebelum itu, menurutnya, MPK akan mengambil tempoh dua minggu bagi mengkaji dan menyelidik punca berlakunya banjir.

"Kita tidak boleh dakwa ia berpunca daripada sistem saliran semata-mata memandangkan ia berlain kawasan dan sudah pasti setiap kawasan berhadapan masalah yang berbeza.

"Kita kena siasat setiap kawasan apa penyebabnya. Malah terdapat kawasan tertentu yang berhadapan masalah banjir mempunyai kaitan dengan paras air sungai yang naik secara mendadak," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, beliau berkata, MPK tidak harus dipersalahkan memandangkan semua pihak berperanan menjaga kawasan masing-masing.

"Selain MPK, terdapat juga sistem saliran di bawah penyelenggaraan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Shapadu," katanya.

### JPS guna pelan induk

SEMENTARA itu, wakil JPS daerah Klang berkata, JPS akan melaksanakan usaha mengatasi masalah banjir mengikut Pelan Induk Sistem Saluran Daerah Klang yang mana kesemua pembangunan perlu mengikut peraturan yang termaktub dalam pelan.

Menurutnya, menerusi laporan pelan itu juga, sistem perparitan dan pembangunan akan dinaiktaraf.



Air tidak dapat mengalir sempurna antara punca banjir di Rantau Panjang.

Selain itu, katanya, JPS akan melaksanakan kerja penyelenggaraan di semua sungai di bawah seliaan JPS antaranya adalah Sungai Aur, Sentosa (Dun Sri Andalas), Sungai Telok Gadong (Dun Selat Klang) dan Sungai Puloh, Taman Klang Utama (Dun Sementa).

"Kesemua pelaksanaan ini akan dilakukan dalam masa terdekat dan dijangka siap empat lima minggu bergantung pada gerak kerja dan keluasan kawasan," katanya.

Beliau berkata, parit di daerah ini adalah di bawah penyelenggaraan MPK dan tiada kaitan dengan JPS.

"Malah kebanyakan parit berkaitan dengan pembangunan juga adalah di bawah seliaan MPK.

"Kita (JPS) hanya terlibat dengan sungai serta anak sungai dan ia akan diberi perhatian serius," katanya.

Dalam pada itu, tambahnya, terdapat 120 kunci air milik JPS di sepanjang Sungai Klang.

"Dakwaan mengatakan kunci air milik kita bermasalah tidak benar memandangkan kita sentiasa melakukan pemantauan," katanya.